

# Kenali OBU anda yang baharu

Ciri-ciri, petua menyelesaikan masalah dan waranti untuk  
Unit Dalam Kenderaan anda.



# Setelah OBU anda dipasang, anda sudah bersedia

Untuk maklumat lanjut tentang ciri-ciri dan fungsi OBU anda,  
sila lawati [go.gov.sg/erp2-1m](http://go.gov.sg/erp2-1m).



## Bagaimana untuk menghidupkan OBU saya?

Apabila anda menghidupkan kenderaan anda, OBU dan Paparan Skrin Sentuhan akan dihidupkan secara automatik. Anda juga akan mendengar bunyi pemberitahuan. OBU dan paparan skrin sentuhan akan dimatikan apabila anda mematikan kenderaan anda.



## Bagaimana untuk menetapkan pilihan pembayaran saya?

Anda boleh terus menggunakan kad CEPAS yang sah seperti Kad NETS/EZ-Link Motoring. Untuk meningkatkan kesenangan, pertimbangkan untuk mendaftar bagi [NETS/EZ-Link Auto Top-Up](#). Simpan juga Kad NETS Motoring ganti yang disediakan selepas pemasangan OBU untuk kegunaan di tempat letak kereta persendirian tanpa Sistem Letak Kereta Elektronik (EPS).



## Bolehkah saya masih menggunakan Kad Tunai?

Tidak. Kad Tunai biasa dengan cip mikro tidak boleh digunakan dalam OBU.



## Bolehkah saya melaraskan kecerahan dan kelantangan paparan?

Ya, kecerahan Paparan Skrin Sentuhan dan kelantangan makluman audio boleh dilaraskan melalui Paparan Skrin Sentuhan untuk OBU tiga keping. Jika anda memilih untuk tidak memasang Paparan Skrin Sentuhan, sila tetapkan tahap kelantangan keutamaan anda semasa pemasangan, kerana kelantangan tidak boleh dilaraskan melalui aplikasi mudah alih.



## Bagaimanakah saya boleh mencari nombor OBU saya?

Untuk kenderaan dengan IU sedia ada, nombor IU anda akan kekal sama dan dipindahkan ke OBU anda secara automatik. Untuk kenderaan baharu, nombor OBU baharu akan dikeluarkan. Anda boleh mencari nombor OBU anda pada Paparan Skrin Sentuhan, dengan mengetik pada "Menu" > "Tetapan" > "Perihal OBU". Sebagai alternatif, nombor tersebut boleh didapati pada Skrin Utama aplikasi LTA ERP 2.0, atau melalui Perkhidmatan Digital OneMotoring.

## Jika anda tidak memasang Paparan Skrin Sentuh:

- Lawati OneMotoring untuk mendapatkan senarai aplikasi mudah alih yang serasi dan muat turun daripada App Store / Google Play Store.
- Daftarkan telefon pintar anda melalui Perkhidmatan Digital OneMotoring.
- Sambungkan telefon pintar yang telah didaftar dengan OBU anda melalui Bluetooth.

Klik di sini untuk panduan langkah demi langkah cara menggandingkan telefon anda dengan OBU.

Apple iOS




Android



# Bagaimakah menavigasi ke Paparan Skrin Sentuhan OBU



## Skrin Utama OBU



## Menu dan Tetapan OBU




# Perkara yang boleh dilakukan oleh OBU baharu anda




OBU anda menawarkan pelbagai ciri untuk pemandu. Lebih banyak ciri akan ditambah dari semasa ke semasa. Pada masa hadapan, OBU akan memaklumkan anda apabila anda menghampiri lokasi pengecasan ERP. Anda juga boleh membayar untuk lesen penggunaan seperti untuk kereta luar waktu puncak, kenderaan klasik/vintaj, tol di pintu masuk Woodlands dan Tuas sedia ada dan tempat letak kereta di tepi jalan.

## Fungsi Semasa


### Pengecasan ERP




### Ketersediaan tempat letak kereta di Bandar, Jurong, Buona Vista dan lain-lain




### Anggaran masa perjalanan semasa memandu di lebuh raya




### Makluman zon kamera polis



### Nasihat ketinggian untuk kenderaan barang




### Road closures for key events




## Nasihat ketinggian untuk kenderaan barang

### Makluman trafik masa nyata



### Bayaran letak kereta di tepi jalan



# Petua Penyelesaian Masalah OBU



## Saya tidak dapat menukar fungsi pada Paparan Skrin Sentuhan semasa memandu di jalan raya.

Ini adalah ciri keselamatan normal untuk menghalang pemandu daripada menyentuh skrin semasa memandu.



## Paparan Skrin Sentuhan saya tidak bertindak balas, atau tiada paparan atau bunyi apabila kenderaan saya dihidupkan.

Hidupkan semula OBU dengan menghidupkan semula enjin kenderaan anda. Jika masalah berterusan, lawati bengkel yang menjalankan pemasangan OBU anda.



## Sebahagian daripada OBU saya telah tercabut.

Jika mana-mana bahagian OBU anda tercabut, sila lawati bengkel yang menjalankan pemasangan OBU anda untuk mendapatkan bantuan.



## Nampaknya OBU saya rosak, tidak berfungsi atau memaparkan mesej ralat.

Anda akan menerima surat daripada LTA yang meminta anda melawat sama ada bengkel yang menjalankan pemasangan OBU anda atau Pusat Penjagaan OBU.

Jika anda tidak menerima apa-apa surat atau notis pemeriksaan tetapi mengesyaki bahawa terdapat masalah dengan OBU anda, sila lawati bengkel yang menjalankan pemasangan OBU anda.



## Saya telah dikenakan denda ERP. Apakah yang patut saya buat?

Mulai 1 Oktober 2024, anda akan mempunyai tempoh selama 5 hari untuk membuat apa-apa pembayaran ERP yang terlepas. Sila lawati [OneMotoring](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut.



**Untuk mendapatkan bantuan, sila hubungi Perkhidmatan Bantuan Panggilan di 6377-2255**

# Soalan lazim

## Adakah OBU akan menyebabkan bateri kenderaan saya habis?


OBU memerlukan kuasa berterusan untuk beroperasi. Walau bagaimanapun, apabila pencucuhan kenderaan dimatikan, OBU akan bertukar kepada mod tidur dan menggunakan kuasa yang lebih rendah daripada IU hari ini. Pemandu tidak perlu bimbang akan berlaku kegagalan kuasa jika tidak memandu selama beberapa hari.

## Adakah Unit Pemprosesan untuk OBU tiga keping akan mencederakan saya?

Unit pemprosesan mungkin berasa hangat, tetapi penutup pelindung memastikan OBU tidak terlalu panas untuk disentuh.

## Adakah Unit Pemprosesan untuk OBU tiga keping kalis air?

Unit pemprosesan telah diuji dan tahan daripada percikan ringan.



# Waranti OBU anda (T&S)



Setiap OBU datang dengan waranti 5 tahun, yang bermula dari tarikh pemasangan yang pertama.

Waranti OBU meliputi semua kerosakan pengilang dan tertakluk kepada had perlindungan ke atas kegagalan produk yang disebabkan, tetapi tidak terhad kepada, kecuaian pengguna, pemasangan yang tidak betul, kemalangan, salah pengendalian, penyalahgunaan, pengubahan, vandalisme dan persekitaran operasi yang luar biasa.

Jika OBU masih dilindungi waranti, mana-mana bahagian yang rosak akan digantikan secara percuma. Bahagian yang diganti akan mengikut tempoh asal waranti OBU. Jika bahagian gantian dibeli untuk OBU yang tidak lagi dilindungi waranti, bahagian yang digantikan akan mempunyai tempoh perlindungan waranti tersendiri yang baharu. Ini juga terpakai kepada OBU satu bahagian.

## Di mana saya boleh dapatkan tarikh luput waranti OBU saya?

Anda boleh mendapatkan tarikh luput waranti OBU anda di Perkhidmatan Digital OneMotoring.

## Siapakah diberi kuasa untuk membaiki OBU?

Jika anda menghadapi apa-apa masalah dengan OBU anda, sila hubungi bengkel yang menjalankan pemasangan OBU anda untuk mendapatkan bantuan. Anda juga boleh klik [di sini](#) untuk mendapatkan senarai bengkel pemasangan OBU yang dibenarkan oleh LTA.

Klik di sini untuk senarai Pusat Pemeriksaan dan Perkhidmatan OBU yang Sah.

Klik di sini untuk senarai Pusat Penjagaan OBU.



Untuk maklumat lanjut tentang ERP 2.0, sila lawati

[go.gov.sg/erp2-1m](http://go.gov.sg/erp2-1m)

[go.gov.sg/erp2-guide](http://go.gov.sg/erp2-guide)

Jika anda memerlukan sokongan lanjut atau mempunyai sebarang soalan lain, hubungi kami di talian hotline kami atau melalui borang di bawah.

Perkhidmatan Bantuan Panggilan: **6377-2255**

Waktu Operasi:

**Isnin hingga Jumaat, 8AM hingga 6PM**

**Sabtu, 8AM hingga 12.30PM**

[go.gov.sg/erp2-contactus](http://go.gov.sg/erp2-contactus)



@WeKeepYourWorldMoving



@ltasg



[www.lta.gov.sg](http://www.lta.gov.sg)



@LTASingapore

